

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI				
1	Perkhidmatan Pembayaran Cukai Melalui <i>Applications / Internet Banking</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai kaedah tambahan untuk pembayar cukai bangunan menjelaskan tuntutan cukai bangunan selain dari kaedah yang sedia ada iaitu secara tunai, cek dan kad kredit di kaunter-kaunter jabatan-jabatan bandaran • Memberikan kemudahan kepada pembayar cukai bangunan untuk menjelaskan tuntutan cukai bangunan pada bila-bila masa (24/7) menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Islam Brunei Darusalam (BIBD) dan Baiduri tanpa perlu datang ke kaunter-kaunter di Jabatan-Jabatan Bandaran • Sebagai Usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membantu jabatan-jabatan Bandaran dalam kutipan hasil cukai bangunan semasa dan tunggakan setiap bulan 	Perkhidmatan pembayaran cukai bangunan melalui <i>mobile applications / internet banking</i> adalah salah satu projek Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk pebayar cukai bangunan di Jabatan-Jabatan Bandaran menjelaskan tuntutan cukai bangunan secara atas talian
2	Perkhidmatan <i>Short Message Service (SMS) Push Notification</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai kaedah tambahan untuk memberikan makluman / peringatan kepada pembayar cukai bangunan yang belum menjelaskan tuntutan cukai bangunan selain dari kaedah yang sedia ada iaitu melalui pengeluaran bil dan surat tuntutan • Memastikan pembayar cukai yang belum menjelaskan tuntutan cukai bangunan mereka terutama yang masih mempunyai tunggakan bangunan diberi makluman melalui SMS setiap bulan sehingga mereka menjelaskan tuntutan berkenaan • Sebagai usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membantu Jabatan-Jabatan Bandaran dalam kutipan hasil cukai bangunan semasa dan tunggakan setiap bulan. 	Perkhidmatan <i>SMS Notifications</i> adalah salah satu projek Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk digunakan oleh Jabatan-Jabatan Bandaran memberikan maklumat / peringatan kepada pembayar cukai bangunan yang belum menjelaskan tuntutan cukai bangunan.
JABATAN DAERAH TUTONG				
3	Bazar Usahawan Jabatan Daerah Tutong	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu penduduk dan masyarakat Daerah Tutong mempamer dan mejual produk masing-masing • Memberi ruang kepada para pengusaha Daerah Tutong menjana ekonomi • Memastikan setiap mukim di Daerah Tutong bergiat aktif dalam bidang ekonomi melalui adanya pengusaha 1K1P MPK dalam tadahan mukim berkenaan • Selain menjana kewangan secara persendirian bagi setiap pengusaha yang menyertai, acara juga dijangka akan dapat membantu pengendali (MPK dari mukim berkenaan) menambah hasil pendapatan kewangan dalam tabung MPK yang akan digunakan bagi mengukayahkan aktiviti kampung masing-masing • Menarik minat belia untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan sebagai ruang bagi mereka melibatkan diri di bawah Biro Ekonomi MPK masing-masing semasa menyertai atau mengendalikan bazar 	Seperti di tahun-tahun sebelumnya sejak tahun 2014, Acara Tutong <i>Convention - FoodCon</i> diadakan sebagai wadah menjalankan perniagaan bagi para pengusaha mikro, kecil dan sederhana (MSME). Sebagai aktiviti tahunan bermula tahun 2019, acara Tutong FoodCon dicadangkan untuk diubah kepada 'Bazar Usahawan Daerah Tutong' yang akan dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di mukim-mukim berkenaan dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong. Acara ini dirancang akan diadakan secara berjadual iaitu sekurang-kurangnya 2 bulan sekali bagi mencapai tujuan dan tema utama iaitu 'Menjana Ekonomi Masyarakat'.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
4	Penubuhan Pusat Pelancongan Destinasi Tutong	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai usaha dan perancangan strategik untuk memantapkan dan memperluaskan perkhidmatan serta jalinan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan khususnya di dalam industri pelancongan dan kemajuan Daerah Tutong amnya • Berfungsi sebagai <i>one stop</i> agensi bagi menyediakan maklumat dan informasi berkenaan dengan pelancongan di Daerah Tutong serta membantu di dalam kemajuan produk satu kampung satu produk (1K1P) Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ke arah meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat melalui sektor pelancongan • Sebagai inisiatif untuk memelihara warisan sejarah bangunan lama pejabat Daerah Tutong agar sentiasa dijaga dan dikunjungi oleh pelawat serta orang ramai • Dapat menyumbang kepada kemajuan Pemandaran Pekan Tutong sebagai destinasi pelancongan yang kondusif dan menarik untuk dikunjungi serta membuka peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan khususnya kepada penduduk tempatan di dalam sektor pelancongan. 	<p>Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong (BPPDPT) ditubuhkan pada 31hb Ogos 2015, iaitu sebagai inisiatif Jabatan Daerah Tutong untuk mengembang majukan industri pelancongan di Daerah Tutong. Penubuhan Pusat Pelancongan Destinasi Tutong adalah merupakan strategi ke arah memperluaskan serta memantapkan perkhidmatan pelancongan Destinasi Tutong kepada yang lebih efektif dan komprehensif. Selain daripada itu, ianya bertindak sebagai <i>one stop</i> agensi di dalam menyalurkan maklumat dan informasi kepada pelawat dan pelancong serta orang ramai berkenaan dengan pelancongan di Daerah Tutong</p> <p>Bangunan lama Pejabat Daerah Tutong adalah tempat yang sesuai dijadikan Pusat Pelancongan Destinasi Tutong memandangkan ianya adalah sebuah bangunan yang bersejarah dan berkedudukan di kawasan Pekan Tutong yang strategik serta berpotensi untuk sebarang aktiviti pelancongan.</p> <p>Penubuhan Pusat Pelancongan Destinasi Tutong ini dapat memberikan satu <i>image</i> baru kepada industri pelancongan dan mampu meningkatkan jumlah pelawat dan pelancong yang berkunjung ke Daerah Tutong sekaligus dapat menyumbang kepada kemajuan perbandaran Pekan Tutong sebagai destinasi pelancongan yang menarik.</p>
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN				
5	<i>Drop Box</i> Bagi Perkhidmatan Persendirian (Pemandu / Pembantu Rumah Tangga)	Struktur Organisasi	Memberikan kemudahan kepada agensi-agensi pekerjaan yang berdaftar menghadapkan permohonan visa kerja baru bagi kategori perkhidmatan persendirian tanpa perlu mengambil masa yang lama untuk menunggu giliran bagi menghadapkan dan penerimaan borang berkenaan.	Perkhidmatan <i>Drop Box</i> ini diperkenalkan untuk memberikan kemudahan kepada pihak agensi-agensi pekerjaan yang berdaftar menghadapkan permohonan visa kerja baru bagi kategori perkhidmatan persendirian. Perkhidmatan ini memberikan kemudahan iaitu tanpa perlu mengambil masa yang lama untuk menunggu giliran menghadapkan permohonan. Adapun perkhidmatan <i>drop box</i> kategori persendirian ini adalah kesinambungan daripada perkhidmatan <i>drop box</i> bagi kategori syarikat yang mana telah dilaksanakan pada 1hb Mei 2017.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
6	Que Up / Smart Q	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mengelakkan orang ramai dari beratur awal bagi mendapatkan nombor giliran • Meningkatkan efisiensi dan produktiviti jabatan • Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan serta mengurangkan waktu yang terbuang bagi pelanggan. 	<p>Projek bagi perkhidmatan penggunaan <i>QueUp</i> sistem telahpun dilaksanakan secara berfasa di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Pada peringkat permulaan, Projek Rintis SMART Q yang mana bermula di Bahagian Kad Pintar, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan dikendalikan selama 3 bulan.</p> <p>Selepas itu perkhidmatan <i>QueUp</i> sistem berkenan dilaksanakan secara penuh kepada bahagian-bahagian berikut di Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian dokumen perjalanan mula menggunakan <i>QueUp</i> pada 4hb Oktober 2017 kecuali bagi kes kerosakan, kehilangan dan kerosakan dokumen perjalanan 2. Bahagian Visa, lawatan dan diplomatik mula menggunakan <i>QueUp</i> pada 1 Februari 2018 bagi: <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Permohonan penyambungan pas lawatan 2.2 Permohonan penyambungan 2.3 Pas penuntut 2.4 Pengambilan kebenaran Visa 2.5 Permohonan visa masuk semula (<i>re-entry visa</i>) 3. Bahagian Pekerja Asing mula menggunakan <i>QueUp</i> pada 1 Februari 2018 bagi: <ol style="list-style-type: none"> 3.1 Permohonan penyambung atau pembatalan pas kerja perkhidmatan syarikat; 3.2 Permohonan penyambungan atau pembatalan pas tanggungan di bawah perkhidmatan syarikat 3.3 Permohonan penyambungan atau pembatalan pas penuntut bagi perkhidmatan syarikat sahaja

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN BURUH				
7	Brunei Consultative Dialogue on Safe & Fair: Realizing Women Migrant Workers' Rights and Opportunities in the ASEAN Region	Pelakuan Organisasi	<p>Dialog konsultasi bertujuan untuk berkongsi maklumat, mengenalpasti bidang intervensi programatik dan meneroka kerjasama masa hadapan diantara pihak berkepentingan utama dan rakan - rakan kongsi sosial di Negara Brunei Darussalam. Dialog ini memberi peluang bagi:</p> <p>a) Berkongsi Objektif <i>Safe & Fair</i> b) Menenalpasti atau mengesahkan bidang-bidang perkongsian berkaitan dengan pembangunan perundangan dan dasar mengenai pentadbiran penghijrahan buruh, mengurangkan kelemahan wanita terhadap keganasan dan pemerdagangan, meningkatkan akses kepada perkhidmatan <i>coordinated</i> dan berkongsi pendekatan penyelidikan dan pengumpulan data mengenai penghijrahan buruh, keganasan terhadap wanita dan pemerdagangan dalam konteks negara dan bekaitan dengan matlamat pembangunan mampan (<i>sustainable development goals</i>); dan c) Membincangkan kemungkinan kempen maklumat dan peningkatan kesedaran untuk pekerja - pekerja migran wanita.</p>	<p><i>Safe & Fair</i> (2018 - 2022) adalah satu projek yang sebahagian daripada Inisiatif <i>Spotlight</i> EU-UN multi-tahun untuk menghapuskan keganasan terhadap wanita dan gadis. <i>Safe & Fair</i> dilaksanakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Wanita PBB (UN Women)</p> <p><i>Safe & Fair</i> memberikan bantuan teknikal dan sokongan dengan objektif keseluruhan bagi memastikan penghijrahan pekerja-pekerja adalah selamat dan adil untuk semua wanita di rantau ASEAN. <i>Safe & Fair</i> melibatkan kerajaan Negara-Negara ASEAN; Institusi ASEAN, kesatuan peerja; majikan dan agensi pengambilan pekerja; organisasi masyarakat sivil; organisasi komuniti; keluarga dan masyarakat; Institusi-institusi penyelidikan dan akademik, rangkaian media, belia dan masyarakat umum serta menyokong pengaturcaraan di sepuluh negara (Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam).</p> <p>Pada 10hb April 2019, bengkel dialog konsultasi telah dianjurkan selama satu hari di Bandar Seri Begawan yang mana bertujuan untuk memberi peluang bagi memperkenalkan program ini kepada pihak berkepentingan utama dan untuk mengenalpasti sebarang bidang-bidang dimana program ini akan dapat memberikan inisiatif sokongan ke atas tadbir urus migrasi pekerja yang responsif <i>gender</i> dan memastikan hak pekerja dan peluang pekerja asing wanita.</p>
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA				
8	<i>Credit Control Unit</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk meningkatkan dan memperkesakan hasil tunggakan • Untuk membantu pelanggan-pelanggan jabatan (<i>clients</i>) dalam mengawal jumlah tunggakan hasil di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria 	<p><i>Credit Control Unit</i> (CCU) adalah salah satu unit yang dikhususkan bagi memantau pentadbiran ke atas kutipan hasil serta menangani hal ehwal tunggakan hasil. Unit ini bertanggungjawab terus kepada Ketua Jabatan. Dengan tertubuhnya Unit ini akan dapat memastikan kutipan hasil berjalan dengan lancar dan masalah tunggakan hasil dapat ditangani secara sepuh masa dan komited.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
9	Perkhidmatan Pembayaran Cukai Melalui Online Banking (Bank Mobile Apps)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mempelbagaikan kaedah pembayaran disamping kaedah-kaedah konvensional yang sedia ada • Membantu dalam meningkatkan kutipan hasil cukai bangunan dan rumah • Membantu mengurangkan tunggakan cukai bangunan dan rumah • Memudahkan pembayaran bagi pembayar cukai bangunan dan rumah yang tinggal di luar daerah tanpa terhad pada waktu kaunter pembayaran dan tempat membayar • Memperkesankan perkhidmatan kerajaan kepada pembayar cukai bangunan dan rumah 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan cukai rumah & bangunan melalui perkhidmatan perbankan atas talian "online banking" dan aplikasi perbankan telefon pintar "mobile banking apps" sebagai pilihan alternatif kepada pembayar tunai, melalui cek dan kad kredit di kaunter pembayaran • Memudahkan pembayar cukai membuat bayaran pada bila-bila masa (24/7) dan di mana-mana sahaja
10	Sistem Pegurusan Aduan Jabatan (Talian Darussalam - 123 JBKBS)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk membantu mengendalikan aduan-aduan dari orang awam menggunakan platform TD123 agar dapat direkod dengan teratur. • Memudahkan orang awam mengetahui maklumat-maklumat mengenai perkhidmatan dan membuat aduan terhadap perkhidmatan / aset-aset yang dibawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria 	Talian Darussalam 123 adalah pusat panggilan kebangsaan bagi perkhidmatan bukan kecemasan kerajaan. Ini adalah merupakan kemudahan orang ramai untuk membuat aduan, pertanyaan dan mendapatkan maklumat daripada agensi-agensi kerajaan dengan membuat panggilan nombor yang mudah diingat pada 123. Semua pertanyaan rasmi, maklumbalas atau aduan dapat ditangani dalam masa-masa yang tertentu
JABATAN BANDARAN TUTONG				
11	Penubuhan Credit Control Unit	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi meningkatkan hasil jabatan • Mengurangkan tunggakan hasil jabatan • Memastikan pembayaran hasil / tunggakan pada tempoh - tempoh yang ditetapkan / dipersetujui 	<i>Credit Control Unit</i> adalah sebuah unit yang ditubuhkan sebagai salah satu usaha jabatan bagi memantau pengutipan hasil dan tunggakan jabatan
12	Kumpulan Perkhidmatan Bergerak	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan tenaga kerja / kakitangan dalaman secara optima • Menjimatkan perbelanjaan kerajaan (mengurangkan penggunaan kontraktor dalam melaksanakan sesuatu kerja) • Memupuk perasaan 'organisation belongingness' pada pegawai dan kakitangan jabatan • Membudayakan kerja secara berkumpulan 'team work' 	Dalam usaha jabatan ini untuk memberikan perkhidmatan cemerlang kepada orang awam khususnya warga Bandaran Tutong, satu kumpulan khas telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Kumpulan Perkhidmatan Bergerak. Antara peranan kumpulan ini adalah bertindak sebagai 'first responder' bagi menangani isu-isu yang melibatkan perkhidmatan dan pemeliharaan. Dengan adanya kumpulan ini juga perkhidmatan dapat diberikan dengan lebih cepat dan segera.